

# Berita Manmin

NO. II 2 OKTOBER 2022

## “Syukur dan kemuliaan bagi Tuhan Trinitas!”



*“Saya bersyukur kepada Tuhan kerana membolehkan kita untuk memimpin jiwa-jiwa di dunia ke jalan keselamatan dengan iman yang tiada perkara yang mustahil melalui Retret Musim Panas ini.”*

**Pendeta Myong-ho Cheong**  
Biskop, Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus di Afrika



*“Saya merasakan kehadiran Tuhan dan saya belajar cara untuk membina iman saya dengan teguh dan cara untuk menyembah Tuhan melalui Dr. Soojin Lee.”*

**Diaken Kanan Sebastian Impeto Pengo**  
Gereja Manmin Kinshasa, Republik Demokratik Congo



*“Saya sangat dikuatkan oleh khutbah yang bertajuk, “Dengan Iman, Tiada Perkara yang Mustahil.” Saya berterima kasih kepada Pastor Soojin Lee yang sendiri menjadi contoh iman yang baik.”*

**Missionari Batzorig**  
Gereja Manmin Mongolia





*"Kita terus berkumpul bersama-sama, memuji Tuhan dengan bersungguh-sungguh, dan berdoa tanpa henti. Beginilah yang dilakukan oleh Manmin."*



**Pastor Sharon Cho**  
Gereja Manmin Cavite, Filipina

*"Saya telah menunggu retreat ini dengan kerinduan. Saya sangat gembira dapat berkumpul semula. Saya akan mengkhabarkan Tuhan Yesus dengan lebih bersungguh-sungguh dengan iman yang lebih teguh."*



**Diaken Wu Xuemei**  
Gereja Manmin Kuala Lumpur, Malaysia

*"Saya teringat detik-detik gembira kita bersama Pastor Kanan kita. Saya gembira melihat Manmin penuh kasih dan kegembiraan lagi."*



**Diaken Hyangseo Goo**  
Gold Coast, Australia

## Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinitati: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

"[Tuhan] Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia." (Kisah Rasul-rasul 17:25)  
 "Hanya melalui Yesus orang diselamatkan, kerana di seluruh dunia tiada orang lain yang mendapat kekuasaan daripada Allah untuk menyelamatkan kita." (Kisah Rasul-rasul 4:12)



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

## Yesus Dibaringkan di dalam Palung

“Pada hari ini di kota Daud telah lahir Penyelamat kamu, Kristus, Tuhan. Inilah tandanya: Kamu akan menemui seorang bayi yang dibedung dengan kain dan berbaring di dalam palung” (Lukas 2:11-12)

Yesus adalah dalam bentuk Tuhan, dan Dia ialah Penguasa segala-gala yang ada di dalam alam semesta, “Raja yang terutama” dan “Tuhan Yang Agung” (Filipi 2:6, Wahyu 19:16). Namun begitu, mengapakah Dia harus datang ke bumi dalam bentuk manusia, dibaringkan di dalam palung, dan hidup dalam kemiskinan?

### 1. Sebab Yesus Dilahirkan di dalam Kandang dan Dibaringkan di dalam Palung

Dalam Lukas 2, ada satu adegan Anak Dara Maria dan suaminya, Yusuf, pergi ke Betlehem untuk mendaftar bagi banci dan di situlah Maria melahirkan Yesus.

Ramai orang telah berkerumun ke Betlehem dan memenuhi tempat penginapan di sana. Maria tidak mempunyai pilihan selain melahirkan Yesus di dalam kandang. Oleh sebab tiada tempat yang memadai untuk membaringkan Yesus yang dibedung dengan kain, Maria meletakkan bayi Yesus di dalam palung. Hal ini bersesuaian dengan ketentuan Tuhan.

Pengkhotbah 3:18 menyatakan, “Inilah pendapatku: Allah menguji kita untuk menunjukkan bahawa nasib kita tidak berbeza dengan nasib binatang.” Sesetengah orang mungkin tertanya-tanya mengapakah Alkitab menyatakan bahawa kita ‘tidak berbeza dengan binatang’ dan berfikiran bahawa perbandingan sedemikian adalah ganjil. Namun begitu, kejahatan manusialah yang selalu meletakkan manusia di bawah kedudukan binatang.

Untuk memuaskan ketamakan material, manusia tidak teragak-agak untuk berdebat, menyaman malah membunuh anggota keluarganya sendiri. Pada mulanya, Tuhan menciptakan manusia menurut gambaran-Nya yang baik dan suci. Namun begitu, sejak Adam, manusia yang pertama, melakukan dosa, semua keturunannya menjadi orang yang berdosa dan roh mereka mati. Mereka akhirnya kehilangan rasa kewajipan manusia dan mereka melakukan pelbagai jenis dosa untuk memuaskan keinginan duniawi dan ketamakan mereka.

Yesus memberitahu kita dalam Yohanes 6:51, “Akulah roti yang memberikan hidup, roti yang turun dari syurga. Orang yang makan roti ini akan hidup selamanya. Roti yang akan Aku berikan itu tubuh-Ku.” Dalam ayat ini, “makan roti hidup yang turun dari syurga” bermaksud mengisi Firman Tuhan di dalam hati.

Sama seperti kehidupan dikekalkan melalui pengambilan makanan, roh dikekalkan melalui pengambilan roti rohani. Inilah sebabnya Yesus yang merupakan Firman Tuhan datang ke dunia ini dalam bentuk manusia dan menjadikan diri-Nya roti kehidupan bagi semua manusia. Hanya apabila kita makan roti kehidupan yang diberikan oleh Yesus, kita dapat memulihkan gambaran Tuhan yang telah hilang. Untuk mendedahkan ketentuan ini kepada kita, Tuhan meletakkan Yesus di dalam palung.

Bagaimanakah kita dapat dibebaskan daripada kehidupan binatang dan melaksanakan kewajipan sebagai manusia? Pengkhotbah 12:13 menyatakan, “Inilah kesimpulan daripada semuanya: Hormatilah Allah, dan taatilah segala perintah-Nya, kerana bagi maksud itulah manusia diciptakan.” Melaksanakan kewajipan manusia merupakan pematuhan perintah Tuhan. Hal ini adalah dengan melakukan perkara yang digesa oleh Alkitab, tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Alkitab, meneruskan perkara yang dinyatakan oleh Alkitab, dan menyingkirkan perkara yang perlu disingkirkan seperti yang dinyatakan dalam Alkitab.

Tuhan tidak berniat untuk menyusahkan hidup kita. Dalam kasih sayang mereka, ibu bapa mengajar anak-anak tentang kewajipan asas manusia dengan memberitahu mereka perkara-perkara seperti, “Belajarlah!” atau “Basuhlah!” Dengan cara yang sama, Tuhan mengajar dan memberitahu anak-anak-Nya pelbagai perkara supaya mereka dapat melaksanakan kewajipan sebagai manusia dan menjalani kehidupan yang diberkati. Kasih Tuhan yang besar menghendaki semua manusia diselamatkan dan masuk ke Syurga.

## 2. Sebab Yesus Hidup dalam Kemiskinan

Matius 8:20 menyatakan, “Yesus menjawab, ‘Serigala mempunyai lubang dan burung mempunyai sarang, tetapi Anak Manusia tidak mempunyai tempat untuk berbaring dan berehat.’” Walaupun Yesus mengkhabarkan injil dan menyembuhkan orang yang tidak terhitung jumlahnya, Yesus tidak mempunyai tempat yang tetap untuk berehat. Walaupun banyak mukjizat dilakukan-Nya semasa pelayanan-Nya, mengapakah Yesus hidup dalam kemiskinan?

Seperti yang dinyatakan dalam 2 Korintus 8:9, “Kamu tahu bahawa kita sangat dikasihi oleh Yesus Kristus Tuhan kita. Meskipun Dia kaya, Dia menjadikan diri-Nya miskin untuk kebaikan kamu, supaya dengan kemiskinan-Nya itu, kamu menjadi kaya”, Yesus hidup dalam kemiskinan untuk memberi kita berkat kekayaan.

Ketika Adam tinggal di Taman Eden, segala-galanya dalam kelimpahan dan dia tidak perlu bersusah payah. Selepas dia berdosa, manusia dan semua benda di bumi turut sama dikutuk. Adam hanya dapat mengekalkan kehidupannya melalui kerja keras (Kejadian 3:17). Oleh sebab semua manusia menjadi miskin akibat dosa Adam, manusia pertama, Yesus sendiri hidup dalam kemiskinan untuk menebus manusia daripada kemiskinan mereka.

Sesetengah orang mengatakan bahawa adalah salah untuk meminta berkat material daripada Tuhan tetapi ada banyak contoh janji-Nya untuk memberikan kita berkat-berkat yang terdapat dalam Alkitab. Kita juga mendapati bahawa bapa-bapa iman seperti Abraham, Ishak, Yakub dan Yusuf hormat akan Tuhan dan mentaati Firman-Nya, jadi mereka hidup dalam kelimpahan dan kekayaan. Dalam rahmat Tuhan Yesus yang telah menebus kita daripada kemiskinan, kita seharusnya dapat menerima berkat. Sudah tentu, kita tidak seharusnya meminta berkat kerana ketamakan tetapi supaya kekayaan kita dapat kita gunakan untuk menyatakan kemuliaan Tuhan melalui perbuatan baik seperti memberi bantuan kepada orang yang memerlukan, menyokong kerja misi, dan memberi persembahan khusus untuk pembinaan gereja.

Tuhan mahu memberikan anak-anak-Nya apa-apa sahaja yang diminta oleh mereka kepada-Nya dengan iman (Matius 7:11), tetapi tidak semua orang berdoa kepada-Nya dengan berkata, “Tuhan, berkatilah saya!” akan menerima berkat daripada-Nya. Sebagai contoh, seperti dalam 3 Yohanes 1:2 yang mengingatkan kita, “berdoa supaya semuanya baik dengan kamu, dan semoga kamu sihat, seperti jiwamu pun sihat”, jiwa kita harus makmur dahulu supaya kita dapat makmur

dalam segala hal. “Jiwa sihat” bermaksud pemulihan gambaran Tuhan yang telah kita hilangkan dengan hidup berdasarkan Firman-Nya.

Ulangan 28:2 menyatakan, “Taatilah TUHAN, Allah kamu, maka segala berkat ini akan diberikan kepada kamu.” Walaupun seseorang hidup berdasarkan Firman Tuhan, dia mesti menanam dengan iman untuk menerima berkat Tuhan. Orang yang mempunyai iman yang besar sekalipun akan menuai kelimpahan hanya jika dia menanam dengan banyak. Jika dia menanam sedikit, dia hanya akan menuai sedikit (2 Korintus 9:6). Jenis berkat yang akan diberikan oleh Tuhan kepada anda adalah dalam bentuk ‘pemberian yang berlimpah-limpah.’ Berkat akan diberikan kepada anda lebih daripada dua kali ganda dan sebanyak mana jiwa anda makmur, Tuhan akan memberi anda tiga puluh kali ganda, enam puluh kali ganda, dan seratus kali ganda.

“Menanam banyak” bukan hanya merujuk kepada jumlah atau kuantiti semaian seseorang. Tuhan berminat pada jenis hati, kasih dan iman yang dengannya seseorang menanam dan Dia menerima aroma hati setiap orang. Apabila Yesus melihat seorang balu miskin memasukkan dua keping mata wang tembaga ke dalam peti persembahan, Dia memuji wanita itu kerana walaupun sangat miskin, wanita itu mendermakan semua nafkahnya. Tuhan berasa senang hati dengan haruman dan kesetiaan yang sedemikian.

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, saya berharap agar anda dapat menyedari kasih dan ketentuan Tuhan dalam mengutus Yesus, Anak-Nya, membaringkan-Nya di dalam palung, dan membiarkan Dia hidup dalam kemiskinan. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar dengan berbuat demikian anda akan menerima Yesus Kristus, melaksanakan kewajipan sebagai manusia, dan memuliakan Tuhan yang akan memberi jawapan kepada anda dan menyelamatkan anda.

## Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan (Poskod: 07058)

<http://www.manmin.org/english>[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com)E-mel: [manminen@manmin.kr](mailto:manminen@manmin.kr)

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara



Telefon: 82-2-824-7107  
[www.gcntv.org](http://www.gcntv.org)  
[webmaster@gcntv.org](mailto:webmaster@gcntv.org)



Manmin International Seminary

Telefon: 82-2-818-7032  
[www.manminseminary.org](http://www.manminseminary.org)  
[manminseminaryhq@gmail.com](mailto:manminseminaryhq@gmail.com)



World Christian Doctors Network

[www.wcdn.org](http://www.wcdn.org)  
[wcdnkorea@gmail.com](mailto:wcdnkorea@gmail.com)



Urim Books

Telefon: 82-2-818-7241  
[www.urimbooks.com](http://www.urimbooks.com)  
[urimbook@hotmail.com](mailto:urimbook@hotmail.com)

## SOROTAN KHAS

## Korea Selatan

**“Saya telah sembuh daripada arthritis bahu beku.”**



Diaken Soonok Nam (Usia 56)

Sejak Jun 2022, saya mengalami sakit pada kedua-dua bahu, menjadikan kehidupan seharian saya tidak selesa. Setiap kali saya menggerakkan bahu saya, ada rasa sakit yang menusuk pada bahu saya. Keadaan ini sangat menyakitkan saya walaupun ketika saya sedang tidur sehingga saya tidak dapat berbaring ke kiri atau ke kanan akibat kesakitan itu. Apabila bahu saya ditekan, hal ini akan menyebabkan rasa sakit yang menyengat.

Pemeriksaan hospital menunjukkan bahawa kesakitan yang saya alami ialah arthritis bahu beku. Saya menerima ubat dan terapi fizikal seperti yang disyorkan oleh doktor saya, tetapi kesakitan itu tidak hilang.

Saya bertekad untuk bersedia dengan baik untuk Retret Musim Panas Manmin agar mendapat kesembuhan. Saya berdoa dengan bersungguh-sungguh dengan hati yang penuh kerinduan. Saya juga menghadiri “Perjumpaan Doa untuk Orang Sakit Atas

Talian” yang dipimpin oleh Puan Boknim Lee, Pengarah Pusat Doa Manmin, yang diadakan pada setiap hari Isnin. Melalui perjumpaan doa ini, Tuhan memberikan saya banyak rahmat dan ilham.

Kemudian, pada 18 Julai, ketika dalam Perjumpaan Doa Atas Talian, bahu kiri saya sembuh dan pada 25 Julai, bahu kanan saya juga sembuh. Oleh sebab saya bersungguh-sungguh mencari dan bergantung kepada Tuhan Bapa, Dia telah menyembuhkan saya sebelum saya menghadiri Retret Musim Panas. Kini, tiada lagi kesakitan pada kedua-dua bahu saya dan saya tidak menghadapi masalah dalam menggerakkan kedua-dua bahu saya dengan bebas.

Saya memberi segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang mendakap saya dengan kasih besar, Tuhan Yesus yang memberikan saya rahmat seperti air terjun, dan Roh Kudus yang memimpin saya ke jalan jawapan.

## Colombia

**“Saya sembuh daripada alahan kulit.”**

Liliana Usamá (Usia 29)

Saya mengalami alahan kulit dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Sehingga dua hari sebelum Retret Musim Panas, alahan kulit tersebut sangat menimbulkan kegatalan sehingga sukar untuk saya menguruskan kehidupan seharian saya. Ketika retret, saya menyedari bahawa ada tembok dosa di hadapan Tuhan lalu bertaubat. Kemudian, saya dipenuhi oleh Roh Kudus lalu kegatalan dan alahan tersebut hilang.



## Mexico

**“Saya sembuh daripada sakit pada lengan kanan.”**

María Antonieta Camacho Ramírez (Usia 55)

Kira-kira 5 bulan yang lalu, saya mengalami masalah tidur akibat kesakitan pada lengan kanan saya. Pada hari pertama retret, roh pertaubatan datang dan saya bertaubat sepenuhnya dengan air mata dan hidung berair. Tiba-tiba saya merasakan api yang panas pada lengan kanan saya, lalu kesakitan itu hampir hilang sepenuhnya.



## Venezuela

**“Saya sembuh daripada selesema.”**

Bianca Acevedo (Usia 35)

Saya mengalami selesema. Namun begitu, apabila saya mengambil bahagian dalam retret dan menerima doa Dr. Soojin Lee, saya dipenuhi Roh Kudus dan saya dapat merasakan bahawa saya telah sembuh. Selepas itu, saya tidak lagi mengalami masalah hidup tersumbat dan gejala selesema pada seluruh tubuh saya juga hilang.



## Peru

**“Sakit akibat vena varikos telah hilang.”**

Angélica Campos (Usia 61)

Saya ingin sembuh daripada kesakitan yang disebabkan oleh vena varikos, jadi saya berdoa sebelum retret. Api Roh Kudus menjamah tubuh saya apabila saya menyanyikan lagu pujian dan menari dengan kepenuhan Roh Kudus, dan sejak itu, sakit kaki yang disebabkan oleh vena varikos telah hilang.



## Retret Musim Panas Manmin 2022

## Pelbagai karya kesembuhan telah ditunjukkan bukan sahaja di Korea malah di luar negara.

Pada malam pertama 'Retret Musim Panas Manmin 2022' pada 1 Ogos, dalam Perjumpaan Kesembuhan Ilahi yang diadakan selepas seminar, Dr. Soojin Lee iaitu Pemangku Pastor Kanan berdoa dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Kesaksian orang Kristian yang mengalami pelbagai karya kesembuhan bukan sahaja di Korea malah di luar negara berterusan memberi kemuliaan besar kepada Tuhan.



## India

**“Sekarang saya dapat membongkok, duduk dan berdiri tanpa masalah, serta berjalan dengan baik.”**



Manju (Usia 35)

Kira-kira 10 tahun yang lalu, saya mengalami sakit belakang yang teruk akibat kemalangan yang seterusnya memberi tekanan pada tulang belakang saya. Pada mulanya, walaupun sakit itu masih dapat saya tanggung, tetapi kesakitan itu menjadi begitu teruk sehingga sukar untuk saya berjalan walaupun satu langkah. Saya telah pergi kira-kira 10 hospital tetapi doktor hanya memberi preskripsi ubat dan memberitahu kami bahawa saya terpaksa hidup dalam kesakitan sepanjang hayat saya.

Saya tidak dapat membongkok, mencangkung atau berjalan akibat sakit belakang. Keadaan ini menyulitkan saya bekerja di tempat kerja dan hal ini sangat sukar. Akibatnya, saya sering tidak hadir bekerja, dan majikan saya juga meminta saya untuk berhenti kerja. Saya sangat bimbang kerana saya tidak tahu cara untuk menguruskan hidup saya sekiranya saya kehilangan pekerjaan saya.

Akhirnya, saya mengambil cuti akibat kesakitan yang teruk. Saya menahan sakit dengan mengambil ubat tetapi kesakitan itu bertambah teruk dan keadaan menjadi sukar untuk saya sekalipun minum air.

Pada masa ini, seorang sanak saudara memperkenalkan GCN TV Hindi kepada saya. Dia berkata bahawa jika

saya menghubungi Gereja Manmin Delhi dan menerima kaunseling, iman saya akan bertumbuh, dan jika saya mentaati apa yang dikatakan oleh mereka, saya dapat sembuh. Selepas saya menghubungi Gereja Manmin Delhi dan menerima kaunseling, saya mempunyai iman bahawa saya dapat sembuh.

Selepas itu, melalui GCN TV Hindi, saya mendengar khutbah-khutbah Dr. Jaerock Lee dan menghadiri ibadat Ahad untuk menyediakan diri saya untuk Retret Musim Panas Manmin.

Akhirnya, pada hari pertama retret, selepas seminar, saya tidak dapat mengikuti siaran langsung kerana perbezaan masa antara India dan Korea, jadi saya menonton rakaman video ketika dalam perjalanan pulang ke rumah dari tempat kerja. Kemudian, sesuatu yang ajaib berlaku!

Kesakitan itu telah hilang, saya dapat membongkok, duduk dan berdiri tanpa sebarang masalah, serta berjalan dengan baik. Segala kesyukuran dan kemuliaan bagi Tuhan Yang Maha Hidup.



## Kenya

**“Saya sembuh daripada sakit kaki, dan anak perempuan saya sembuh daripada radang paru-paru.”**



Monica (Usia 39)

Anak perempuan saya, Jasmine (Usia 2) mula batuk akibat radang paru-paru dan hal ini sangat menyakitkan kerana batuk itu tidak berhenti. Namun begitu, sewaktu retret, dia berhenti batuk selepas dia menerima doa daripada Dr. Soojin Lee, pengkhotbah pada ketika itu.

Selain itu, saya telah sembuh daripada sakit kaki yang saya alami selama 4 tahun. Saya tidak dapat berjalan dengan baik atau membengkokkan lutut saya kerana kaki saya kejang. Namun begitu, apabila saya menerima doa, kesakitan itu hilang dan saya dapat berjalan dengan selesa. Haleluyah!

## Pakistan

**“Ketulan berusia 10 tahun pada dada saya telah hilang sama sekali.”**




Nida (Usia 70)

Pada suatu hari, saya menerima pautan atas talian Retret Musim Panas Manmin daripada Asif. Pautan ini disediakan dan dikongsikan kepada penonton oleh Gereja Manmin Delhi, India. Asif, seorang penonton GCN TV Urdu juga berkongsi kepada saya.


Ini merupakan kali pertama saya menghadiri Retret Musim Panas Manmin melalui pautan atas talian, dan saya mempunyai pengalaman yang menakutkan. Ketulan sebesar 5cm pada dada saya yang berusia 10 tahun telah hilang apabila saya menerima doa Dr. Soojin Lee.

## Contoh buku Dr. Jaerock Lee



### Pesanan Salib

Buku yang harus dibaca oleh orang di seluruh dunia ini telah diterbitkan dalam 62 bahasa.



### Syurga (I)

Keindahan dan kehidupan di Syurga serta rahsia tentang setiap tempat kediaman dan ganjaran.



### Neraka

Kengerian Neraka disampaikan melalui gambar berwarna yang jelas.



### Tuhan Penyembuh

Mendedahkan cara asas untuk disembuhkan daripada penyakit dan juga kesakitan dalam hati.